

SYKOFEN SYRUP

Ketotifen fumarate (1mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Sykofen Syrup
2. Bagaimana Sykofen Syrup berfungsi
3. Sebelum mengambil Sykofen Syrup
4. Cara menggunakan Sykofen Syrup
5. Semasa menggunakan Sykofen Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Sykofen Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Sykofen Syrup

Sykofen Syrup digunakan untuk mencegah dan merawat serangan asma bronkial, asma bronkitis (inflamasi dalam saluran udara yang membawa udara ke paru-paru) dan tindak balas alergik seperti rinitis alergi (radang membran mukus dalam hidung), konjunktivitis alergi (radang membran mukus pada mata), tindak balas alergik kulit.

Bagaimana Sykofen Syrup berfungsi

Bahan aktif Sykofen Syrup adalah ketotifen, merupakan ubat anti-alergik yang kuat dengan ciri-ciri antihistamina yang kuat.

Di dalam keadaan alahan/alergi, sesetengah bahan yang dikenali sebagai histamina akan dihasilkan di dalam badan. Bahan ini mencetus tindak balas inflamasi atau radang.

Antihistamina berfungsi dengan mencegah pengeluaran histamina daripada sel-sel tertentu. Dengan itu, tindak balas alahan dapat dikurangkan.

Sebelum mengambil Sykofen Syrup

Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda hypersensitif (alergik) kepada ketotifen atau komponen lain dalam formulasi ini.

- Jika anda mengambil ubat secara oral (melalui mulut) untuk mengawal diabetes anda.

Mengandung dan menyusukan anak

Maklumkan doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan bayi. Ketotifen dikumuhkan ke dalam susu ibu. Oleh itu, ibu yang mengambil ketotifen tidak harus menyusukan.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda alergi terhadap sebarang ubat, makanan, bahan pengawet atau pewarna.

Jangan berhenti mengambil ubat-ubat asma yang lain kecuali atas arahan doktor atau ahli farmasi anda walaupun anda berasa sudah sihat.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau telah baru-baru ini mengambil ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi kerana mereka mungkin berinteraksi antara satu sama lain.

Sesetengah ubat tidak boleh diambil dengan Sykofen Syrup.

Ini termasuk:

- sedatif dan hipnotik (memberi kesan tenang dan mengantuk)
- antihistamina
- alkohol

Cara menggunakan Sykofen Syrup

Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa mengambil ubat ini betul-betul seperti doktor atau ahli farmasi anda memberitahu anda. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Dos yang dicadangkan

Dewasa:

Secara oral, 1 hingga 2 mg (1-2 sudu teh penuh) setiap 12 jam.

Kanak-kanak:

Berat badan bawah 35kg – secara oral, (1/2 sudu teh) setiap 12 jam.

Berat badan lebih 35kg – secara oral, 1 mg (1 sudu teh penuh) setiap 12 jam.

Bila perlu digunakan

Sentiasa mengambil ubat ini betul-betul seperti doktor atau ahli farmasi anda memberitahu anda.

Berapa lama perlu digunakan

Terus mengambil Sykofen Syrup selama yang doktor atau ahli farmasi anda mencadangkan.

Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Simptom terlebih dos termasuk mengantuk, kekeliruan, kesukaran bernafas, bradikardia (kadar denyutan jantung yang perlahan) atau takikardia (kadar denyutan jantung yang cepat) dan sawan.

Jika anda tidak sengaja mengambil terlalu banyak Sykofen Syrup (lebih daripada dos harian anda yang biasa), hubungi doktor atau ahli farmasi anda atau pergi ke hospital terdekat untuk mendapatkan nasihat. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Semasa menggunakan Sykofen Syrup

Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Sykofen Syrup.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Ambil ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri ubat ini kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

Jangan merawat masalah lain dengan menggunakan ubat ini kecuali atas arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini atau tukar dos tanpa merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika anda berasa mengantuk, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Sykofen Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan yang sering dialami:

- Mengantuk
- Pening
- Mulut kering
- Sakit kepala
- Loya
- Pertambahan berat badan
- Cirit-birit

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga mungkin berlaku pada sesetengah pesakit. Sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan-kesan sampingan lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Sykofen Syrup

Penyimpanan

Simpan pada suhu 28-32°C, 55-85% kelembapan relatif di dalam bekas yang tertutup rapat dan jauhi daripada haba dan cahaya.

Jauhi daripada kanak-kanak.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Sirap cair tanpa warna yang berperisa strawberi.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Bahan aktif Sykofen Syrup adalah Ketotifen Fumarate.

Bahan-bahan tidak aktif:

Dibasic Sodium Phosphate, 70% Sorbitol Solution, Glycerine, Citric Acid, Strawberry Essence, Methyl Paraben, Propyl Paraben, Purified Water, Sucrose.

Nombor MAL

Sykofen Syrup 1 mg/ 5 mL
MAL05092229AC

Pengilang

IDS Manufacturing Ltd.
21/7 Moo 6, Liab Klong Song Road,
Tambon Kookot, Amphur Lamlukka,
12130 Pathumthani, Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

Milrin Pharmaceutical Co. (M) Sdn.
Bhd.
125-L, 5th Floor, Wisma Getah,
Macalister Road, 10400 Penang.

Tarikh kemaskini RiMUP

23/6/2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)230615/00162